



**KENYATAAN AKHBAR
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI AKTIVITI JABATAN/AGENSI
KERAJAAN NEGERI JOHOR TAHUN 2021 SIRI 1**

1. Pengauditan terhadap aktiviti jabatan/agensi merupakan pengauditan prestasi yang dilaksanakan di bawah Perenggan 6(d), Akta Audit 1957. Fasal (1) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Fasal (2) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang di-Pertua Negeri bagi negeri itu untuk dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri.
2. LKAN mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Johor Tahun 2021 Siri 1 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 3 Ogos 2022, setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor, LKAN ini akan dibentangkan di Dewan Negeri Johor pada 22 September 2022 (Khamis)

3. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

3.1. Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri

- a. Bagi LKAN Tahun 2021 Siri 1 ini, dua pengauditan prestasi telah dilaksanakan di peringkat Negeri Johor iaitu Pengurusan Industri Hiburan dan Minuman Keras oleh Pejabat Daerah Batu Pahat (PDBP) dan Pejabat Daerah Kota Tinggi (PDKT); serta Pembangunan Hartanah Industri oleh Perbadanan Johor (JCorp), Yayasan Pelajaran Johor (YPJ) dan Perbadanan Islam Johor (PIJ).
- b. Secara keseluruhannya, sebanyak 33 penemuan dilaporkan meliputi prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti. Daripada 33 penemuan, 10 penemuan berkaitan kelemahan pengurusan aktiviti dan dua penemuan berkaitan kerugian berjumlah RM1.43 juta.

3.1.1. Pengurusan Industri Hiburan dan Minuman Keras di PDKT

- a. Perkembangan industri hiburan di negeri Johor telah membantu pertumbuhan ekonomi dan pelancongan seperti yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030 (PPMJ 2030) dan premis hiburan memberi peluang pekerjaan kepada penyanyi dan pemuzik tempatan. Namun begitu, sebanyak 62% responden penduduk tempatan bersetuju operasi dan penempatan premis hiburan memberi kesan kepada ketenteraman awam.
- b. Antara penemuan utama pengurusan aktiviti adalah 13 premis perniagaan beroperasi tanpa lesen, satu premis beroperasi di luar zon ditetapkan dan 12 lesen hiburan diluluskan tanpa

kelulusan di peringkat Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN). Selain itu, sebanyak 96 kesalahan berlaku di premis hiburan melalui Operasi Noda Polis Diraja Malaysia (PDRM). Lima operasi penguatkuasaan telah dijalankan ke atas sebuah premis hiburan melibatkan denda RM19,500. Selain itu, 10 lesen panggung wayang dan tempat hiburan tidak dikenakan bayaran deposit dengan anggaran berjumlah RM100,000.

3.1.2 Pembangunan Hartanah Industri oleh JCorp, YPJ dan PIJ

- a. Dasar Kerajaan negeri telah tercapai dengan wujudnya pembangunan berasaskan wilayah iaitu hab perabot di Muar, hab industri hiliran minyak dan gas di Pengerang dan hab industri berat di Tanjung Langsat. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) memperoleh anggaran hasil Cukai Harta sejumlah RM30.51 juta setahun sebagai pulangan hasil dari pembangunan 2 kawasan industri yang telah beroperasi iaitu Taman Perindustrian Bakri dan Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat.
- b. Antara penemuan utama pengurusan aktiviti adalah seperti berikut;
 - i) JCorp masih belum mempunyai plan perancangan pembangunan Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat II (Zon 5) seluas 214.5 ekar;
 - ii) penjualan tanah seluas 250 ekar di Taman Perindustrian Pengerang masih tertangguh;

- iii) Pusat Pengurusan Sisa Berjadual Johor lewat siap menyebabkan PIJ tidak menerima hasil pajakan tahun 2019 dan 2020 berjumlah RM425,000 dan penamatan kontrak pajakan menyebabkan PIJ perlu membayar saguhati berjumlah RM1 juta; dan
 - iv) penglibatan Bumiputera bagi pembangunan Taman Perindustrian Bakri Fasa 2 tidak dilaksanakan oleh YPJ.
4. Semua pegawai pengawal/ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam LKAN untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh jabatan berkenaan. Jabatan Audit Negara telah mengemukakan 13 syor terhadap pengurusan aktiviti jabatan/agensi untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.
5. LKAN Tahun 2021 Siri 1 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Johor akan dibentangkan di Dewan Negeri Johor pada 22 September 2022. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 22 September 2022 selepas jam 2.00 petang. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara

22 September 2022

25 Safar 1444H